



NEGERI SABAH

[JPAN : 700-2/8/(21)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2018

PENAMBAHBAIKAN WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB) DI AGENSI KERAJAAN NEGERI

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan penambahbaikan peraturan 325(1)(b), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, iaitu penambahan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 (Pekeliling Persekutuan).

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan lima hari bekerja seminggu telah dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri mulai 1 Julai 2005 sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2005. Pelaksanaan ini adalah dengan menggantikan masa kerja pada hari Sabtu kepada hari bekerja yang lain.

3. Waktu Bekerja Anjal telah dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri mulai 3 April 2006 sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2006.

4. Selaras dengan transformasi Perkhidmatan Awam dan usaha penambahbaikan berterusan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam serta memberi fleksibiliti Waktu Peringkat (WP), Kerajaan Negeri bersetuju menambah satu lagi WP iaitu dari pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

PELAKSANAAN WBB

5. WBB diwujudkan dengan Waktu Pejabat yang bermula dari pukul 7.30 pagi hingga pukul 6.00 petang. Hari dan tempoh waktu bekerja bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah mengikut **Jadual 1** berikut:

Hari	Tempoh Waktu Bekerja
Isnin hingga Khamis	9 jam
Jumaat	7 jam 30 minit

Jadual 1 : Hari dan Tempoh Waktu Bekerja

6. Hari Sabtu merupakan hari rehat mingguan dan hari Ahad merupakan hari kelepasan mingguan bagi agensi Kerajaan Negeri.

7. Selaras dengan penambahan satu WP dalam jadual WBB, maka WBB yang baharu adalah seperti dalam **Jadual 2** yang berikut:

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat
WP1	Isnin - Jumaat	7.30 pagi – 4.30 petang	<p style="text-align: center;">Isnin – Khamis 1.00 petang – 2.00 petang</p> <p style="text-align: center;">Jumaat 11.30 pagi – 2.00 petang</p>
WP2	Isnin - Jumaat	8.00 pagi – 5.00 petang	
WP3	Isnin - Jumaat	8.30 pagi – 5.30 petang	
WP4	Isnin - Jumaat	9.00 pagi – 6.00 petang	

Jadual 2 : WBB bagi Negeri Sabah Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/PEGAWAI

8. Pelaksanaan lima hari bekerja seminggu dan WBB wajib dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri Sabah. Bagi waktu bekerja selain daripada waktu bekerja pejabat, ia adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang telah diperuntukkan kepada Ketua Jabatan bagi mengatur waktu bekerja pegawai terlibat.

9. Bagi menjamin keberkesanan WBB, pegawai hendaklah membuat perancangan WP dengan memilih WP1/WP2/WP3/WP4 yang sesuai dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A**, tertakluk kepada persetujuan Ketua Jabatan.

10. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada Waktu Rehat pegawai dengan syarat masa rehat pegawai diganti pada hari yang sama.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2005, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2006 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing. Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 16 Januari 2018

Diedarkan kepada :
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil



NAMA KEMENTERIAN/JABATAN : _____

BORANG PEMILIHAN WAKTU PERINGKAT (WP)

1. Nama Pegawai : _____
2. No. Kad Pengenalan : _____
3. Jawatan/Gred : _____
4. Bahagian/Cawangan/Unit : _____

Arahan: Tuan/Puan dikehendaki membuat pilihan Waktu Peringkat (WP) dengan menanda (✓) pada salah satu petak yang disediakan di bawah.

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Tandakan (✓)
WP1	Isnin – Jumaat	7.30 pagi – 4.30 petang	<input type="checkbox"/>
WP2	Isnin – Jumaat	8.00 pagi – 5.00 petang	<input type="checkbox"/>
WP3	Isnin – Jumaat	8.30 pagi – 5.30 petang	<input type="checkbox"/>
WP4	Isnin – Jumaat	9.00 pagi – 6.00 petang	<input type="checkbox"/>

Dengan itu saya ingin memohon WP seperti di atas mulai _____.

Tandatangan Pegawai :

Tarikh :

KELULUSAN KETUA JABATAN

Selepas mengambil kira pilihan WP di atas, penetapan waktu peringkat tuan/puan adalah WP _____ iaitu Waktu Bekerja bermula pukul _____ pagi hingga _____ petang, berkuat kuasa mulai _____.

Tandatangan:

Tarikh: